

Kelab usahawan Melayu di AS

UM- 13/2/2007

WASHINGTON 12 Feb. – Kelab Usahawan Melayu Amerika Syarikat anjuran Mara mendapat sambutan hangat daripada para pelajar Melayu yang bercita-cita membuka perniagaan mereka di negara ini atau Malaysia selepas tamat pengajian.

Ini dapat dilihat pada majlis pelancaran kelab itu oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin di sini, hari ini.

Pada majlis itu, Mohamed Khaled turut menyerahkan cek sebanyak AS\$1,000 (RM3,800) serta merasmikan pembukaan inkubator di bangunan Mara Washington DC bagi mereka yang ingin memulakan aktiviti keusahawanan.

Para pelajar Melayu dengan pakaian kemas berhimpit-himpit di dewan bangunan Mara untuk beramah mesra dengan menteri itu dan bertanya bagaimana untuk memulakan perniagaan termasuk pinjaman, premis dan kemudahan lain.

Apa yang menarik, walaupun Mara cuma menjemput 40 pelajar dari

kawasan timur laut tetapi hampir 60 pelajar dari 12 universiti di New York, New Jersey, Pennsylvania, Delaware, Ohio, Maryland dan Virginia menyertai seminar “Kesedaran Usahawan” di sini semalam.

Di seminar tersebut, para pelajar melahirkan pelbagai idea untuk perniagaan yang boleh dibawa ke Malaysia.

Pengarah Mara Washington, Nor Hashimi Mahat berkata, kelab dan inkubator tersebut boleh menjadi pemangkin kepada permulaan sebuah perniagaan yang boleh dibawa ke Malaysia.

Mohamed Khaled menyeru para pelajar cemerlang supaya memilih untuk menjadi ‘bos’ perniagaan masing-masing dan berharap mereka tidak hanya berpuas hati makan gaji bila pulang ke tanah air kelak.

Beliau juga mengalakkan para pelajar supaya menjadi usahawan yang bersaing dan berdikari serta tidak sentiasa mengharapkan bantuan kerajaan untuk memajukan syarikat mereka nanti.

Menteri itu sedang membuat la-

watan kerja ke Amerika Syarikat dari 8-14 Februari merangkumi tiga bandar raya termasuk Santa Clara di California, Washington DC dan New York.

Di Santa Clara, Mohamed Khaled bertemu eksekutif Silvaco di Lembah Silicon di mana Mara dan syarikat itu menandatangani MoU untuk membuka Centre for Business and Technology Acquisition” sama ada di Santa Clara atau di Cambridge, London.

Para pelajar Malaysia dalam bidang kejuruteraan elektronik yang layak boleh memohon untuk menjadi perantis selama empat bulan di Silvaco di bidang “integrated circuits design” untuk bekerja dengan syarikat ICmic di Malaysia atau menjadi usahawan setelah selesai pengajian.

Turut hadir Ketua Pengarah Mara, Datuk Nam Marthinin; Timbalan Ketua Pengarah Mara, Meriyam Abdul Majid; Timbalan Ketua Setiausaha MECD, Musa Mohamad dan Pengerusi Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Datuk Zolkipli Abdul.

– Bernama